



جائتكم بحماة جوان اسلام مليسيا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
Blok D7 & D9, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62519, PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel : 603-8886 4000
Faks: 603-8889 2039
Portal Rasmi: www.islam.gov.my

Ruj. Kami : JAKIM.BPI.800-5/1/1Jld.3(79)
Tarikh : 5 Mei 2015M
16 Rejab 1436H

Semua Penerima Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) Jakim

السلامة على من رزقنا الله وما كنا

Tuan/Puan,

PROSEDUR PERMOHONAN KEBENARAN BERKAHWIN BAGI PENERIMA SKIM PEMBIAYAAN HAFIZ (SPH) JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Dengan hormatnya saya menarik perhatian tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah mengeluarkan satu Prosedur Permohonan Kebenaran Berkahwin bagi Penerima Skim Pembiayaan Hafiz bertujuan menjelaskan tatacara permohonan kebenaran berkahwin yang wajib dipatuhi oleh penerima Skim Pembiayaan Hafiz (SPH).
3. Prosedur Permohonan Kebenaran Berkahwin Bagi Penerima Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) boleh dirujuk seperti di **Lampiran A**. Pihak Tuan/Puan juga boleh memuat turun prosedur tersebut di sistem atas talian Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) di alamat <http://sph.islam.gov.my> .
4. Prosedur ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan. Kerjasama dan perhatian tuan/puan amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian, *wassalam*.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(HAJAH SAIMAH BINTI MUKHTAR)

Pengarah
Bahagian Pembangunan Insan
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**PROSEDUR PERMOHONAN KEBENARAN BERKAHWIN
BAGI PENERIMA SKIM PEMBIAYAAN HAFIZ (SPH)
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)**

TUJUAN

Prosedur ini bertujuan untuk menetapkan tatacara permohonan kebenaran berkahwin bagi para penerima (Pelajar) Skim Pembiayaan Hafiz (SPH), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

LATAR BELAKANG

2. Prosedur Permohonan Kebenaran Berkahwin ini merupakan satu panduan kepada para Pelajar yang ingin memohon kebenaran berkahwin.
3. Prosedur ini juga membantu Pelajar memahami tatacara permohonan kebenaran berkahwin sebagaimana yang diperuntukkan dalam sub Klausa 5.7 (c), Perjanjian SPH yang menyatakan seperti yang berikut:

“PELAJAR hendaklah tidak boleh berkahwin tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada KERAJAAN”.

4. Prosedur ini juga bagi mengelakkan Pelajar daripada melanggar Perjanjian SPH yang boleh menyebabkan SPH ditamatkan dan Pelajar perlu membayar sejumlah wang sebagai ganti rugi dan denda kepada pihak Kerajaan Malaysia.

TATACARA PERMOHONAN KEBENARAN BERKAHWIN

3. Para Pelajar yang ingin memohon kebenaran berkahwin hendaklah melalui proses berikut :

3.1 Mengemukakan permohonan **sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum perkahwinan tersebut dilangsungkan.**

3.2 Mengisi dengan lengkap Borang Permohonan Kebenaran Berkahwin (JAKIM(BPI)/PBK/1) sebanyak dua (2) salinan (**Lampiran I**).

3.3 Mengisi dengan lengkap Borang Kelulusan Berkahwin Daripada Ibu bapa/Penjaga/Penjamin (JAKIM(BPI)/PBK/2) serta membaca, meneliti dan memahami setiap syarat-syarat yang dilampirkan bersama borang tersebut (**Lampiran II**). Borang ini hendaklah dihantar bersama-sama Borang Permohonan Kebenaran Berkahwin (JAKIM(BPI)/PBK/1) kepada pihak Jakim.

4. Pelajar akan menerima surat pemakluman berhubung keputusan permohonan kebenaran berkahwin daripada pihak Jakim.

5. Pelajar hendaklah mengisi dengan lengkap Surat Akuan Penerimaan Kelulusan Kebenaran Berkahwin (**Lampiran III**) dan hendaklah dihantar semula kepada pihak Jakim bersama apa-apa dokumen lain yang ditetapkan oleh pihak Jakim.

KELULUSAN

7. Pengarah Bahagian Pembangunan Insan, Jakim boleh, jika berpuas hati dengan permohonan Pelajar meluluskan permohonan kebenaran berkahwin.

PINDAAN

8. Apa-apa pindaan kepada Prosedur ini tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah Jakim.

BORANG PERMOHONAN KEBENARAN BERKAHWIN

(Untuk diisi di dalam dua (2) salinan)

Pengarah,
Bahagian Pembangunan Insan,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,
Aras 3, Blok 2200,
EB3, Persiaran APEC,
63000 Cyberjaya

Tuan,

Saya, Bil. Rujukan
JAKIM.BPI. memohon mendapatkan kelulusan untuk berkahwin.
(no. kad pengenalan)

Butir-butir yang diperlukan ialah seperti berikut :

A. Butiran Diri

- (a) Nama :
- (b) Tarikh Lahir : (c) Umur :
- (d) Tarikh Biasiswa Ditawarkan :
- (e) Bidang Pengajian :
- (f) Universiti/Insitusi :
- (g) Peringkat Pengajian :
- (h) Tahun Pengajian :
- (i) Tahun Dijangka Tamat Pengajian :

B. Butiran Bakal Suami/Isteri

- (a) Nama :
- (b) Tarikh Lahir : (c) Umur :
- (d) No.K/Pengenalan/Passport :
- (e) Kewarganegaraan :
- (f) Bekerja atau menuntut :
- (g) Jika Bekerja, nyatakan :
 - (i) Pekerjaan :
 - (ii) Majikan :
 - (iii) Alamat Majikan :

- (f) Jika menuntut, nyatakan :
- (i) Bidang Pengajian :
 - (ii) Universiti/Institusi :
 - (iii) Penganjur :
 - (iv) Peringkat Pengajian :
 - (v) Tahun Pengajian :
 - (vi) Tahun Dijangka Tamat Pengajian :
 - (vii) Sama ada persetujuan berkahwin telah diterima daripada penganjur/ibu/
bapa/penjaga/penjamin (sila sertakan surat kelulusan berkenaan):
.....

2. Bersama-sama ini disertakan dokumen-dokumen yang diperlukan :

- (a) Surat kebenaran berkahwin daripada ibu bapa/penjaga; dan
- (b) Keputusan tiap-tiap peperiksaan yang telah diambil.

3. Saya mengaku semua keterangan di atas adalah benar dan saya faham sekiranya kelulusan diberikan berdasarkan suatu keterangan yang tidak benar, maka JAKIM berhak menarik balik kelulusan itu dan menamatkan biasiswa dengan serta-merta.

.....
(Tandatangan Penuntut)

.....
(Tarikh)

ULASAN JABATAN PENUNTUT MALAYSIA/KEDUTAAN BESAR MALAYSIA

*Sokong/Tidak Disokong :

Nyatakan Sebab :

.....
Lain-lain Ulasan (jika ada) :

.....
(Tandatangan dan Cop Rasmi Jawatan)

.....
(Tarikh)

(Nama :))

-
- Potong yang mana tidak berkenaan.

Nama :

Alamat :

.....

.....

.....

Pengarah
Bahagian Pembangunan Insan
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Aras 3, Blok 2200,
Enterprise 3 Building, Persiaran APEC,
63000 Cyberjaya.

Tuan,

Kelulusan Berkahwin Daripada Ibu bapa/Penjaga/Penjamin

Saya, No. Kad Pengenalan
.....*ibu bapa/penjaga kepada penuntut
..... bil. Rujukan
JAKIM.BPI. dengan ini mengesahkan bahawa saya
(No. Kad Pengenalan Pelajar)

*bersetuju/tidak bersetuju ke atas pernikahan penuntut berkenaan dengan

*Encik/Cik.....

No.Kad Pengenalan.....

Sekian.

.....

(Tandatangan)

.....

(Tarikh)

(Nama :)

(No. Kad Pengenalan :)

Nama :

Alamat :

.....
.....
.....
.....

Pengarah,
Bahagian Pembangunan Insan,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,
Aras 3, Blok 2200,
Eb3, Persiaran Apec,
63000 Cyberjaya

Tuan,

Surat Akuan Penerimaan

Saya bil. Rujukan
JAKIM.BPI. yang menuntut di
..... dengan ini
memaklumkan bahawa saya faham dan bersetuju dengan syarat-syarat yang telah dinyatakan
seperti yang berikut:-

- (a) Penuntut adalah bertanggungjawab menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berpunca daripada perkahwinannya, sama ada secara langsung atau tidak langsung, misalnya perbelanjaan rawatan perubatan bagi suami/isteri dan anak-anak, tambang-menambang dan sebagainya.
- (b) Penuntut hendaklah menumpukan sepenuh perhatian terhadap pelajarannya dan menamatkan kursus dalam tempoh yang ditetapkan serta kembali ke Malaysia dengan serta-merta setelah tamat kursus walaupun tempoh kuat kuasa biasiswa belum tamat.
- (c) Penuntut tidak boleh menukar kursus atau tempat pengajian atau melanjutkan tempoh pengajian diakibatkan oleh perkahwinan ini; dan
- (d) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan menarik balik biasiswa dan menuntut ganti rugi jika didapati prestasi akademik penuntut merosot sama ada secara langsung atau tidak langsung diakibatkan oleh perkahwinan ini.

- (e) Saya akan menyerahkan salinan Surat Nikah kepada Jakim dalam tempoh dua (2) bulan selepas tarikh pernikahan.

Sekian.

.....

(Tandatangan)

.....

(Tarikh)

(Nama :)

(No. Kad Pengenalan :)

Bahagian Pembangunan Insan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Tel : 03-83182218

Faks : 03-83187041

E-mel : sph.islam.gov.my